



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# TINTA

GLORIOUS EXPERIENCES

# REDAKSI

## Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## Penaung

Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim

## Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri)

Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad

## Pensyarah Penasihat

En. Mohd Zailan Endin  
Dr. Wan Ab. Kadir Wan Dollah  
En. Shaharom TM Sulaiman

## Ketua Editor

Muhammad Fahmi Shamsi

## Penolong Ketua Editor

Nurul Syuhaida Azmi

## Setiausaha

Roziah Omar

## Penolong Setiausaha

Siti Zuraizah Mat Napi

## Grafik

Nurulhidayu Azmin

## Editor

Aida Hafizza Sabtu  
Azilah Zainal Abidin @ Ahmad  
Hartini Jubidi  
Khuzairiah Shaari  
Nor Adilah Mohd Noor Aimi  
Norhayatimah Jamil  
Norsalwa Mat Isa  
Noor Eliani Noor Rawi  
Noor Faezah Hasan  
Nurul Nabilah Ibrahim  
Nurul Nadrah Abdul Kader  
NurShahidah Mohamad Ali  
Siti Hajar Mat Arsat  
Siti Syazwana Che Said  
Wan Nurul Hazira W Mahmood

## Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,  
40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03 7962 2013 / 2020  
Faks: 03 7962 2007  
<http://www.fpm.uitm.edu.my>

## Dicetak oleh

Pusat Percetakan UiTM  
Tel: 03 55444024  
Faks: 03 55444023

ISSN 0127-5100

# DARI EDITOR

Bil. 20/2011

"Ambillah waktu untuk berifkir, itu adalah sumber kekuatan. Ambillah waktu untuk bermain kerana itu adalah rahsia dari masa muda yang abadi. Ambillah waktu untuk berdoa, itu adalah sumber ketenangan dan ambillah waktu untuk belajar kerana itu adalah sumber kebijaksanaan".

Pepatah ini sering didengari dalam kehidupan kita dan dijadikan sebagai landasan untuk kita menuju ke puncak kejayaan. Untuk mencapai sesuatu kejayaan, jalan yang terpaksa dilalui penuh dengan onak dan liku. Semua orang yang berada di tangga teratas sekarang semestinya telah melalui detik kegagalan sebelum mereka dapat menghirup nafas lega dengan hasil yang mereka kecapai sekarang.

Pengalaman lalu banyak mengajar mereka erti kehidupan yang sebenar dan mereka boleh menyesuaikan diri mereka dalam semua keadaan kerana mereka telah memilih jalan yang susah terlebih dahulu sebelum mencapai kesenangan. Mereka telah gagal sekali dan tidak mungkin mereka ingin gagal lagi. Oleh yang demikian, mereka mengambil pengalaman sebagai petunjuk untuk membuat sesuatu keputusan di dalam dunia global kini. Negara Malaysia dahulunya yang berasaskan kepada pertanian kini bertukar menjadi perindustrian telah banyak merubah cara hidup masyarakatnya. Dengan adanya teknologi yang canggih, segala kerja dapat diselesaikan dengan cepat dan lebih berkualiti.

Selain itu, hubungan antara negara luar dapat dieratkan dengan jaringan komunikasi yang tiada sempadan. Semuanya hanya dihujung jari untuk mengakses maklumat dari dalam dan luar negara. Namun semakin canggih mana pun teknologi itu tidak bermakna tanpa pengetahuan dan pengalaman. Itulah yang dikatakan dengan "**Glorious from Experiences**".

Bahagian pertama keluaran kali ini memuatkan biografi tokoh-tokoh terpilih manakala bahagian kedua memuatkan artikel-artikel yang merupakan isu dalam bidang pengurusan maklumat.

Semoga penerbitan majalah ini akan memberi maklumat yang berguna dan juga semangat kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Sudah semestinya sebagai golongan berpendidikan kita mahukan impak yang positif hasil dari majalah ini. Namun begitu hasil dari pengalaman dan cabaran yang telah ditunjukkan dalam majalah ini terpulang kepada individu atau masyarakat itu sendiri untuk mengambil ia sebagai pengajaran atau sebaliknya.

Sidang Editor ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan penerbitan ini. Selamat Membaca!

## MAKLUMAN

TINTA adalah sebuah terbitan tahunan oleh para pelajar program *Bachelor of Science in Information Studies (Hons) @ IM 220* yang mengambil kursus *Publications and Production of Information Materials (IML 601)*. Skop rencana meliputi pelbagai isu dalam bidang pengurusan maklumat.

## ISI KANDUNGAN

### BAHAGIAN A

**PROFESOR DATO' DR. HJ. RAJA ABDULLAH RAJA YAACOB.....1**  
oleh Muhamad Fahmi Shamsi & Nurul Syuhaida Azmi

**PROF. MADYA FUZIAH MOHD. NADZAR.....5**  
oleh Aida Hafizza Sabtu & Nurul Nabilah Ibrahim

**DR. WAN ALI WAN MAMAT.....18**  
oleh Azilah Zainal Abidin @ Ahmad & Norhayatimah Jamil

**DATO' ZAWIAH BABA.....26**  
oleh Nor Adilah Mohd Noor Aimi & Khuzairiah Shaari

**DATO' HAJI SIDEK HAJI JAMIL.....31**  
oleh Nurul Nadrah Abdul Kader, Nur Shahidah Mohamad Ali & Siti Hajar Mat Arsat

**DATIN PADUKA SHAHANEEM HANOUM N. N. DADAMEAH.....43**  
oleh Noor Eliani Noor Rawi & Siti Syazwana Che Said

**DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB.....49**  
oleh Hartini Jubidi & Noor Faezah Hasan

**DR. ZURINAH HASSAN.....53**  
oleh Norsalwa Mat Isa & Wan Nurul Hazira Wan Mahmood

### BAHAGIAN B

**UNDERLYING RESEARCH PHILOSOPHICAL ORIENTATION IN SOCIAL SCIENCE  
RESEARCH: POSITIVISM VS. INTERPRETIVISM.....59**  
by Siti Arpah Noordin

**PENGURUSAN KALBU PEMANGKIN PENGUKUHAN MODAL INSAN.....79**  
oleh Aliza Ismail & Zuraidi Zainol Abidin


**PANDUAN MENGURUS RUANG PENYIMPANAN PUSAT REKOD.....87**  
oleh Hanis Diana Kamarudin, Jafalizan Md. Jail, Ahmad Azman Mohamad Ramli  
& Nor Erlissa Abd. Aziz

**TUJUH SIKAP TERPUJI PEKERJA CEMERLANG: SATU PERBINCANGAN YANG  
BERDASARKAN PENGALAMAN KERJA.....97**  
oleh Ahmad Azman Mohamad Ramli

**TRIP TO KARANGKRAF PUBLICATION.....108**

---

A VISIT TO THE STAR INFORMATION CENTRE, PETALING JAYA (PPM JELAJAH DIGITAL SIRI 3).....	109
LAPORAN PROGRAM “KARNIVAL ILMU & MAKLUMAT 1MALAYSIA”.....	115



## PROFESOR DATO' DR. HJ. RAJA ABDULLAH RAJA YAACOB

oleh

**Muhamad Fahmi Shamsi & Nurul Syuhaida Azmi**

Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### **Abstract**

*Raja Abdullah Raja Yaacob is a pioneer of the Faculty of Information Management, UiTM both as a student as well as a lecturer. He was responsible in raising the status of the Faculty to its present and has placed it to a high level as it is recognized worldwide. He started from the bottom to achieve success today. He entrusted his position as dean of the Faculty of Information Management for almost 8 years since 1995 until 2001. During that time he has managed to change, to formulate and develop a variety of activities and introduced new programs in the field of Information Management. In 2001, the faculty has increased the number of students from 115 to 4000 and the number of lecturers from 13 to 120. In addition, he still active in the field of writing. He is also involved actively in introducing and promoting library and information management to the public. In 2001, he was conferred the award of Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) which carries the title of Dato'. For the future, he plans to be involved in introducing several programs, such as Health Information Management, Legal Information Management, Islamic Information, Entrepreneur Information etc. He also advised the students to read all sources of information and to gain knowledge and fluency in English.*

### **Keywords**

*Raja Abdullah Raja Yaacob, Library Science, Faculty of Information Management*

### **Latar Belakang**

Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob dilahirkan pada 30 November 1949 di Parit Buntar, Perak dan dibesarkan di Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau merupakan anak kedua daripada sembilan adik beradik. Juga dikenali sebagai Pak Ray mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman ataupun turut dikenali Sultan Sulaiman Primary School, Kuala Terengganu dari tahun 1961-1965. Kemudian beliau bersekolah di Sekolah Menengah Tengku Bariah dari tahun 1961- 1966. Pada tahun 1967, beliau mengambil peperiksaan MCSC yang sekarang dikenali sebagai SPM dan memperolehi gred 2. Beliau kemudian melangkah ke tingkatan enam di Maktab MARA Petaling Jaya dari tahun 1967-1968. Pada masa itu, bilangan pelajar di Maktab MARA adalah seramai 150 orang. Pada tahun 1968, Maktab MARA telah ditukar nama kepada Institut



Teknologi MARA (ITM). Pada tahun 1970, beliau mengambil kursus Sains Perpustakaan di ITM yang merupakan program luaran iaitu *Associateship in the Library Association London (ALA)*.

Pada tahun 1972, beliau telah bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun pada masa itu beliau masih belum menamatkan pengajian. Pada tahun 1973, beliau berjaya menamatkan pengajiannya dan mengikuti konvokesyen yang pertama di Shah Alam yang diadakan di dataran antara Bangunan Menara dan Perpustakaan. Pada Februari 1973, beliau berkhidmat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan. Beliau ditawarkan biasiswa pada tahun 1978 untuk mengikuti Program Sarjana (Master) di Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat sehingga tahun 1980. Beliau pulang ke tanah air dengan memperolehi dua sarjana iaitu Sarjana Pengurusan Rekod dan Sarjana Sains Perpustakaan.

Pada masa itu, beliau merupakan rakyat Malaysia yang pertama mendapat sarjana dalam bidang Pengurusan Rekod. Beliau kemudiannya bertukar ke ITM, Perlis dan menjawat jawatan sebagai Ketua Pustakawan. Selepas dua tahun berkhidmat, pada tahun 1982 beliau kemudiannya bertukar kerjaya sebagai pensyarah di ITM, Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada ketika itu, Fakulti Pengurusan Maklumat masih dikenali sebagai Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat iaitu pada tahun 1982. Pada tahun 1986, beliau sekali lagi mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD di University of Michigan sehingga tahun 1990. Selepas kembali dengan PhD beliau ditawarkan jawatan sebagai Koordinator Penyelidikan Sains Sosial di bawah bahagian Konsultansi dan Penyelidikan di UiTM. Dua tahun selepas itu beliau dilantik sebagai Dekan di Fakulti Pengajian Maklumat sehingga 2001.

### **Hobi**

Bercerita tentang hobi, beliau juga mempunyai hobi seperti manusia lain agar diri tidak bosan serta untuk mengelakkan diri daripada membuang masa. Pak Ray mempunyai banyak hobi. Antaranya beliau suka menyimpan kereta-kereta lama dan buat masa sekarang beliau mempunyai hampir tujuh buah kereta lama. Perasaan puas amat terasa apabila kereta-kereta lama ini dapat berfungsi dan berwarna baru. Koleksi kereta lama tersebut merupakan kereta zaman 50-an yang dibeli oleh beliau dan akan diperbaiki sampai boleh berfungsi. Kereta-kereta tersebut juga mempunyai cukai jalan yang sah. Beliau juga mempunyai hobi yang unik iaitu menyimpan dan mengumpul barang-barang lama seperti botol-botol, lampu dan jam lama.

Sejak akhir-akhir ini beliau mula berjinak-jinak dengan hobi membela ikan. Sehingga kini, beliau telah mempunyai lima buah akuarium.

### **Kejayaan**

Menurut Pak Ray, semasa baru menjawat jawatan sebagai Dekan pada tahun 1995, fakulti ini hanya menawarkan satu program sahaja, iaitu Diploma Sains Perpustakaan dan bilangan pelajar pada masa itu adalah lebih kurang 115 orang. Manakala bilangan pensyarah pada masa itu pula adalah seramai 13 orang. Sepanjang beliau menjawat jawatan sebagai Dekan hampir selama lapan tahun beliau telah berjaya mengubah, menggubal dan membentuk pelbagai aktiviti dan program. Setelah beliau tamat memegang jawatan sebagai Dekan pada tahun 2001, fakulti ini telah menambah bilangan pelajar dari 115 orang kepada 4000 orang, termasuk 4 cawangan, dari 13 orang pensyarah kepada lebih 120 orang pensyarah dan dari satu program kepada sembilan program iaitu dari peringkat Diploma sehingga PhD. Baginya, itu merupakan satu kejayaan buat beliau.

Sepanjang perkhidmatan, Pak Ray pernah mengeluarkan beberapa buah buku yang berkaitan dengan pembacaan, pemeliharaan rekod, penulisan laporan dan keindahan membaca. Namun beliau masih lagi dalam proses menerbitkan tiga hingga empat buah buku yang berkisar dalam bidang pengurusan rekod, pengurusan maklumat dan pengurusan perpustakaan. Selain itu, beliau juga turut terlibat dengan giatnya dalam bidang penulisan artikel dalam jurnal, pembentangan di persidangan dan seminar samada di dalam maupun luar negara.

### **Pengalaman**

Sepanjang berkhidmat, untuk memastikan para masyarakat mengenali program ini merupakan satu pengalaman pahit bagi beliau. Namun, ia menjadi pengalaman yang manis setelah berjaya mengubah nama dan juga jenama fakulti ini menjadi fakulti yang dianggap salah satu fakulti yang popular di UiTM. Sebelum ini, fakulti ini merupakan fakulti yang paling tidak terkenal, bilangan pelajar dan pensyarah yang sedikit dan tidak ramai yang mahu memohon bidang Sains Perpustakaan mungkin kerana rakyat Malaysia tidak suka membaca. Kini dengan era maklumat yang banyak mengaplikasikan ICT, bidang pengurusan maklumat telah mendapat perhatian dari para pelajar.

### **Penghargaan**

Sepanjang perkhidmatan, beliau mendapat anugerah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2001. Jasa yang ditaburkan oleh beliau adalah dari segi akademik, mempunyai ijazah kedoktoran dan banyak menulis. Selain itu, beliau juga pernah mendapat penganugerahan cemerlang, biasiswa, dan juga pengiktirafan dari segi kepakarannya. Beliau juga sering dijemput sebagai penceramah undangan di universiti-universiti tempatan mahupun luar negara. Beliau juga berkhidmat sebagai Pemeriksa Luar di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sepanjang menjawat jawatan sebagai Dekan, beliau dijemput ke rancangan Selamat Pagi Malaysia serta banyak menulis artikel-artikel yang berkaitan dengan bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat dalam akhbar tempatan.

### **Harapan**

Untuk masa hadapan, Dato' Ray bercadang untuk menerapkan beberapa kursus seperti *Health Information Management*, *Legal Information Management*, *Islamic Information*, *Entrepreneur Information* dan banyak lagi. Menurut beliau lagi, banyak program akan ditambah mengikut keperluan pasaran. Beliau juga berharap kita dapat bersaing dengan bangsa asing bermiaga dalam bidang maklumat seperti penerbitan, pangkalan data serta komputer sedangkan itu adalah bidang pengurusan maklumat. Jadi, tidak mustahillah jika dikatakan bahawa banyak sumber kewangan dan bajet perpustakaan digunakan untuk memperolehi bahan tersebut. Maka kita seharusnya ada bidang "*Entrepreneur Information Management*" supaya sesiapa yang mengambil bidang ini dapat bermiaga dalam bidang tersebut. Beliau juga berharap agar para pelajar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan memikirkan tentang kerjaya setelah tamat belajar. Beliau juga menasihatkan para pelajar agar menambahkan pengetahuan am dan fasih berbahasa Inggeris. Ini kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang terpenting dalam komunikasi sehari-hari dan profesional.

## LAPORAN PROGRAM

### “KARNIVAL ILMU & MAKLUMAT 1MALAYSIA”

#### Pengenalan program

Program Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia dilaksanakan untuk memenuhi keperluan subjek “Public Relations In Information Works”(IML 553). Di samping itu juga ia diperkenalkan bagi melaksanakan tuntutan tanggungjawab mahasiswa dalam pembangunan masyarakat. Program ini dirangka dengan kerjasama erat di antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan-jabatan awam daerah Jelebu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Dengan berasialkan untuk membuka peluang penglibatan golongan muda mendampingi masyarakat melalui kegiatan kemasyarakatan, kekeluargaan, kejiran dan pendidikan dan membangunkan fungsi sosial masyarakat bagi mencapai kualiti peribadi unggul, Pelaksanaan program ini terbahagi kepada tiga elemen utama; Kepimpinan, Kesedaran dan Kerjasama.

#### Latarbelakang dan Objektif Program

- a) Menjayakan inisiatif *Vice Chancellor Special Project* (VCSP) di bawah kategori projek Kasih Sayang 1Malaysia untuk mendekatkan UiTM dengan masyarakat.
- b) Mempromosikan aktiviti membaca dan menekankan budaya ilmu kepada semua kaum khususnya sekitar Kuala Klawang dan masyarakat lain amnya.
- c) Menjalin dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara mahasiswa UiTM dengan pelbagai kaum melalui aktiviti-aktiviti sesuai yang dirancang.
- d) Mempromosikan program-program yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat khasnya dan UiTM umumnya.

Sejumlah 10 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan di Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia dan pelajar kumpulan IS205B telah dipilih bagi melaksanakan program ini dengan kerjasama erat di antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan-jabatan awam daerah Jelebu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan pada 8 hingga 10 Oktober 2010, seramai 40 orang

pelajar ini telah ditempatkan di Hotel Sri Klawang yang berdekatan dengan lokasi karnival bagi melancarkan program.

### **Aktiviti Program Yang Telah Dilaksanakan**

Berikut adalah senarai aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival (gambar-gambar dilampirkan)

#### **Membuat persiapan di Dewan Majlis Daerah Jelebu**

Aktiviti mengemas pentas, menyediakan tempat pameran, menyusun atur barang-barang yang akan digunakan sebelum dan selepas majlis perasmian dilakukan pada Jumaat, 8 Oktober 2010. Keesokan harinya penyediaan hamper untuk aktiviti dilakukan.

#### **Majlis Perasmian**

Majlis perasmian telah bermula sedikit lewat kerana masalah pengangkutan berikutan pergerakan bas UiTM menjemput pelajar-pelajar sekolah tidak sebagaimana dirancang. Namun situasi ini telah diatasi dengan segera. Bagaimanapun ia berjalan lancar sebagaimana dirancang. Kehadiran ketua-ketua kampung dan masyarakat telah menjadikan majlis ini lebih meriah.

#### **Pameran**

Pameran telah berlangsung dengan jayanya. Tetamu kehormat yang mewakili Penglibatan Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, pembekal buku dan pihak pengajur sendiri, Fakulti Pengurusan Maklumat adalah sangat menakjubkan. ANM telah menyediakan bahan pameran berskala besar dan sangat bermanfaat kepada pengunjung bagi memahami sejarah negara dan konsep 1Malaysia. PNM juga tidak kurang hebatnya dengan pameran dan pertandingan untuk pengunjung. PNM sentiasa berterusan menggalakkan percambahan budaya membaca dan kepentingan mengetahui maklumat untuk menjadi masyarakat berpengetahuan.

#### **Aktiviti Mewarna**

Aktiviti mewarna bagi kanak-kanak pra-sekolah dimulakan sebaik sahaja selesai majlis perasmian. Seramai 43 orang pelajar yang menyertai aktiviti mewarna dari 2 buah sekolah yang terlibat iaitu SJK(CP) Chun Yin dan SK. Undang Jelebu ,dan terdapat 2 buah sekolah yang tidak menghantar pelajar iaitu SK Triang dan SK.Kuala Klawang. Aktiviti ini juga terbuka kepada murid-murid dari sekolah rendah dari pelbagai sekolah dan SK Putra. Penyampaian

hadiah diadakan awal kerana guru dan pelajar SKJ(C) Chun Yin ingin pulang pada pukul 12 tengahari.

### **Aktiviti Pertunjukan Boneka**

Pertunjukan boneka telah diadakan oleh kakitangan Perpustakaan Awam Jelebu. Seramai 43 orang kanak-kanak pra-sekolah dan 29 orang pelajar sekolah rendah yang terlibat menonton pertunjukan tersebut. Sebahagian kanak-kanak pra-sekolah telah dibawa pulang awal oleh ibu bapa mereka , maka sesi bercerita tidak dapat dijalankan. Sebaliknya telah digantikan dengan 2 aktiviti lain untuk pelajar sekolah rendah iaitu permainan 1 kertas dan air 4 penjuru. Kedua-dua permainan tersebut dijalankan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam diri setiap individu dan mencapai kesepakatan dalam menyelesaikan masalah.

### **Ceramah Prospek Pengajian di IPT**

Ceramah ini telah melibatkan 65 pelajar tingkatan 4 dan 5 dari 3 buah sekolah menengah; SMT Kuala Klawang, SMK Gelami dan SMK Dato' Undang Musa. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Azman bin Mat Isa, Timbalan Dekan (Pelajar & Alumni), Fakulti Pengurusan Maklumat. Ceramah ini bertujuan untuk memberikan suntikan motivasi kenapa pelajar perlu belajar dengan cemerlang untuk masa depan yang gemilang. Di samping itu juga pelajar dimaklumkan tentang syarat-syarat kelulusan yang diperlukan untuk meneruskan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Ceramah ini juga turut memperkenalkan Fakulti Pengurusan Maklumat kepada para pelajar, sekaligus memberikan kata-kata perangsang kepada para pelajar agar terus berusaha dengan bersungguh-sungguh. Maklumbalas yang diterima membuktikan para pelajar sangat-sangat menghargai ceramah yang diberikan kerana ia telah menjadikan mereka lebih sedar tentang pentingnya untuk belajar dengan cemerlang bagi menjamin masa depan yang cerah.

### **Info Hunt**

Info Hunt ada permainan seperti pencarian harta karun. Beza adalah peserta dikehendaki mencari maklumat berkaitan dengan konsep 1Malaysia. Sumber-sumber maklumat ini semuanya terdapat dalam perpustakaan. Ia telah dapat meningkatkan daya fikir dan kemahiran mencari maklumat di kalangan peserta. Permainan ini telah diadakan pada hari Sabtu petang di Perpustakaan Awam Jelebu. Ia disediakan untuk para pelajar yang menyertai ceramah prospek pengajian di IPT agar mereka lebih mengenali perpustakaan, cara pencarian buku dengan pantas dan menggunakan perpustakaan dengan sepenuhnya. Para pelajar dibahagikan kepada

10 kumpulan dan setiap kumpulan diberikan tugas dan petunjuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, mereka juga diberikan telur sebagai barang amanah. Permainan ini berjalan seperti yang dirancang dengan kerjasama semua pihak bukan sahaja para pelajar sekolah menengah malah mahasiswa dan kakitangan perpustakaan yang terlibat juga turut memberikan kerjasama yang sewajarnya.

### **Senamrobik**

Acara ini telah diadakan pada hari Ahad jam 8.45 pagi. Senamrobik yang diketuai oleh 5 orang mahasiswa. Bermula dengan senaman pemanasan badan, diikuti dengan aerobik, poco-poco dan ‘chicken dance’. Senamrobik yang mengambil masa kira-kira 30 minit ini telah disertai oleh semua peringkat usia termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah dan ibu bapa serta guru-guru pengiring. Ia telah dapat menceriakan semua yang terlibat sebelum acara sukaneka dijalankan.

### **Bawa bola ping pong**

Permainan ini dibuka kepada kanak-kanak pra-sekolah. Setiap sekolah menghantar 2 kumpulan dengan 5 orang peserta setiap kumpulan. Disebabkan penyertaan yang di luarjangkaan, permainan ini telah dilakukan secara berperingkat.

### **Isi air dalam botol**

Pelajar yang terlibat adalah pelajar-pelajar sekolah rendah. Permainan ini berjalan lancar seperti yang dirancang. Acara telah berlangsung dengan meriahnya.

### **Boling padang**

Permainan ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah. Peserta diberikan sebiji kelapa dan mereka hendaklah menjatuhkan sebanyak mungkin botol-botol yang berisi air dan tanah untuk memenangi pertandingan ini. Disebabkan sambutan yang sangat menggalakkan, maka permainan ini diadakan secara liga bagi membolehkan semua orang dapat mengambil bahagian dalam permainan ini.

### **Tarik bola dengan gelung**

Peserta terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah. Permainan ini berjalan lancar walaupun terdapat beberapa guru pengiring yang sering membuat bantahan arahan urusetia kerana terlalu emosi walaupun permainan hanya untuk acara sukaneka sebegini.

### **Kerusi muzik**

Peserta terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah. Permainan ini diadakan 2 kali kerana penyertaan yang terlalu ramai.

### **Tarik guni**

Tarik guni digunakan sebagai pengganti kepada tarik upih. Peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah. Aktiviti ini berjalan lancar dan sangat meriah.

### **Cari gula-gula dalam tepung**

Peserta terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah. Permainan ini berjalan lancar walaupun terdapat sedikit campur tangan daripada guru-guru tadika. Semua peserta sangat gembira dengan pertandingan ini.

### **Belon air**

Peserta terdiri daripada golongan dewasa iaitu pelajar-pelajar sekolah menengah dan golongan-golongan ibu.

### **Selipar tempurung**

Peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah. Aktiviti ini berjalan lancar. Permainan tradisional ini memberikan pengalaman baru bagi peserta dari pelbagai bangsa.

### **Tarik tali**

Acara ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan ibu bapa yang hadir. Pertandingan dijalankan secara liga. Ianya sangat meriah dan berlangsung dalam suasana penuh semangat kesukunan.

### **Menganyam ketupat**

Acara ini terbuka kepada semua pengunjung karnival dan telah berjalan lancar. Ramai peserta daripada peringkat pelajar sekolah, mahasiswa dan dewasa termasuk guru pengiring dan ibubapa.

### **Gotong-royong**

Gotong-royong membersihkan padang telah diadakan bertujuan untuk memupuk disiplin menjaga kebersihan dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar. Kanak seawal umur pra-sekolah bersama-sama dengan semua yang terlibat tanpa mengira letih telah membersihkan padang seperti sebelumnya dalam masa yang sangat singkat. Ini sangat menakjubkan.

### **Penilaian Program**

Secara keseluruhannya Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia ini telah berlangsung dengan jayanya. Komitmen semua pihak yang terlibat amat menakjubkan terutamanya Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelebu, Jabatan Penerangan Daerah, Majlis Daerah Jelebu, Pejabat Daerah Jelebu. Para peserta juga telah memberikan komitmen yang tinggi dalam program ini dan para pelajar sekolah turut memberikan kerjasama dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

### **Pencapaian dan Keberkesanan Program**

Pelaksanaan Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia telah memperlihatkan semangat kerjasama dan tolak-ansur yang tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dan peserta karnival ini. Para peserta ceramah motivasi dan prospek pengajian di IPT telah memberikan maklum balas positif di atas maklumat dan nasihat yang telah diberikan. Mereka kini Nampak laluan yang lebih jelas untuk masa depan yang lebih gemilang.

Semangat perpaduan dan bekerjasama seperti kehendak konsep 1Malaysia dapat dilihat dengan jelas sepanjang 2 hari karnival berlangsung, terutamanya pada hari kedua. Penglibatan kelompok sasaran adalah di luar jangkaan. Penyertaan daripada semua bangsa termasuk anak-anak dari masyarakat orang Asli telah memenuhi objektif karnival iaitu penglibatan semua bangsa dalam masyarakat di daerah Jelebu.

Bagi para mahasiswa yang mengendalikan karnival ini, mereka dapat belajar dan meningkatkan kemahiran komunikasi dengan masyarakat yang berbeza latar belakang dan usia. Pengalaman